



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
26 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 26 April 2010, **tiada** laporan kluster ILI dilaporkan.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 25 April 2010, sejumlah 15 kes disahkan influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,451. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 543 kes. Daripada jumlah tersebut, 55 kes (10.1%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah sembilan (9) kes dan tujuh (7) daripadanya adalah golongan berisiko tinggi.

Kementerian Kesihatan telah menerima satu (1) laporan kematian berkaitan dengan H1N1 pada hari ini. Kes melibatkan seorang suri rumah berumur 48 tahun, yang mempunyai faktor-faktor risiko diabetes, hipertensi dan kegemukkan (*obesity*). Kes telah berada di ICU Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu semenjak 18 April 2010, dan meninggal dunia pada 24 April 2010. Walaupun kes ini disahkan positif jangkitan virus H1N1 melalui ujian PCR, hasil laporan pakar-pakar dan keputusan ujian darah mengesahkan bahawa penyebab kematian ialah "septicaemic shock secondary to severe bronchopneumonia" oleh jangkitan bakteria dan **bukan** disebabkan oleh virus H1N1 secara langsung. Untuk makluman, daftar kematian H1N1 seluruh negara masih kekal 80 orang.

Kementerian ingin menarik perhatian orang ramai bahawa majoriti kematian yang dikaitkan dengan jangkitan virus H1N1 melibatkan mereka yang mempunyai faktor-faktor risiko seperti asma, diabetes, penyakit buah pinggang, penyakit jantung, penyakit paru-paru, ibu mengandung dan kegemukkan (*morbid obesity*). Mereka ini mudah mengalami komplikasi penyakit sedia ada atau jangkitan bakteria sekunder yang menyebabkan sepsis dan boleh membawa maut. Oleh itu, Kementerian Kesihatan ingin menggesa orang awam yang

mempunyai faktor risiko seperti di atas, supaya segera mendapatkan pelalian vaksin H1N1 di 104 fasiliti Kementerian seluruh negara. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 26 April 2010